

**TRITI
ANTARA
KERAJAAN REPUBLIK RAKYAT CHINA
DENGAN
KERAJAAN MALAYSIA
MENGENAI BANTUAN BERSAMA UNDANG-UNDANG
DALAM PERKARA JENAYAH**

Kerajaan Republik Rakyat China dan Kerajaan Malaysia (kemudian daripada ini disebut secara sendirian sebagai "Pihak" dan secara kolektif sebagai "Pihak-Pihak"),

Dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan kerjasama antara kedua-dua negara berkenaan dengan bantuan bersama undang-undang dalam perkara jenayah berasaskan perasaan saling menghormati demi kedaulatan, kesamarataan dan faedah bersama,

TELAH BERSETUJU seperti yang berikut:

**Perkara 1
Ruang Lingkup Bantuan**

1. Pihak-Pihak hendaklah, mengikut Triti ini dan selaras dengan undang-undang masing-masing, memberikan kepada satu sama lain bantuan bersama undang-undang yang seluas mungkin dalam penyiasatan, pendakwaan dan prosiding lain dalam perkara jenayah.
2. Bantuan yang berhubungan dengan perkara jenayah hendaklah termasuk:
 - (a) mengambil keterangan termasuk:
 - (i) mengambil testimoni atau pernyataan daripada orang;
 - (ii) membekalkan dokumen, rekod termasuk rekod bank, kewangan, korporat atau perniagaan yang berkaitan, dan barang keterangan dan bahan keterangan lain; dan

- (iii) memperoleh dan memberi penilaian pakar;
- (b) mencari dan mengenal pasti orang;
- (c) membuat perkiraan perlu bagi orang untuk memberikan keterangan atau membantu dalam penyiasatan jenayah, termasuk pemindahan orang dalam jagaan;
- (d) melaksanakan permintaan untuk penggeledahan dan penyitaan;
- (e) mengendalikan penelitian atau pemeriksaan objek, tempat, orang atau mayat manusia;
- (f) mengenal pasti, mencari, menyekat, membekukan, menyita dan melucuthakkan hasil dan peralatan jenayah;
- (g) melaksanakan penyampaian dokumen; dan
- (h) apa-apa bentuk bantuan yang lain yang tidak bercanggah dengan undang-undang Pihak yang Diminta.

3. Triti ini terpakai semata-mata bagi pemberian bantuan bersama undang-undang antara Pihak-Pihak. Peruntukan Triti ini tidak mewujudkan apa-apa hak bagi pihak mana-mana orang persendirian untuk memperoleh, menyekat atau mengetepikan apa-apa keterangan, atau untuk menghalang pelaksanaan apa-apa permintaan bagi bantuan.

Perkara 2 Ketidapkakaian

1. Triti ini tidak terpakai kepada—
 - (a) ekstradisi seseorang, termasuk penangkapan atau penahanan dengan tujuan untuk ekstradisi;
 - (b) penguatkuasaan penghakiman jenayah di Pihak yang Diminta yang dikenakan di Pihak yang Meminta kecuali setakat yang dibenarkan oleh Triti ini dan undang-undang Pihak yang Diminta;
 - (c) pemindahan orang yang dihukum untuk menjalani hukumannya; atau

(d) pemindahan prosiding dalam perkara jenayah.

2. Triti ini tidak memberi kuasa kepada mana-mana Pihak untuk melaksanakan, di dalam wilayah Pihak yang satu lagi, pelaksanaan bidang kuasa atau pelaksanaan fungsi yang diletakkan dalam ruang lingkup eksklusif pihak berkuasa Pihak yang satu lagi oleh undang-undangnya.

Perkara 3 Pihak Berkuasa Pusat

1. Setiap Pihak hendaklah menetapkan suatu Pihak Berkuasa Pusat untuk membuat dan menerima permintaan menurut Triti ini melalui saluran diplomatik. Bagi maksud Triti ini, Pihak Berkuasa Pusat hendaklah berhubung secara langsung dengan satu sama lain untuk pelaksanaan permintaan.

2. Bagi Republik Rakyat China, Pihak Berkuasa Pusat ialah Kementerian Kehakiman.

3. Bagi Malaysia, Pihak Berkuasa Pusat ialah Peguam Negara atau seseorang yang ditetapkan oleh Peguam Negara.

4. Setiap Pihak hendaklah secepat mungkin memberitahu Pihak yang satu lagi mengenai apa-apa perubahan dalam penetapan Pihak Berkuasa Pusatnya melalui saluran diplomatik.

Perkara 4 Pengehadan ke atas Bantuan

1. Penolakan suatu permintaan bagi bantuan di bawah Triti ini hendaklah dibuat dengan mematuhi undang-undang Pihak-Pihak masing-masing dan alasan penolakan hendaklah termasuk yang berikut:

(a) permintaan itu berkaitan dengan kelakuan yang tidak akan menjadi suatu kesalahan di bawah undang-undang Pihak yang Diminta;

(b) Pihak yang Diminta mendapati bahawa permintaan itu berkaitan dengan suatu kesalahan politik kecuali bahawa kesalahan keganasan dan kesalahan yang tidak dianggap sebagai kesalahan politik di bawah konvensyen antarabangsa yang kedua-dua

Negara ialah Pihak kepadanya tidak dianggap sebagai kesalahan politik;

- (c) permintaan itu berkaitan dengan suatu kesalahan yang hanya menjadi suatu kesalahan tentera;
- (d) terdapat alasan substansial bagi Pihak yang Diminta untuk mempercayai bahawa permintaan itu telah dibuat bagi maksud menyiasat, mendakwa atau menjalankan prosiding lain dalam perkara jenayah terhadap seseorang kerana ras, jantina, agama, keturunan etnik, kerakyatan atau pendapat politik orang itu;
- (e) permintaan itu berkaitan dengan pendakwaan seseorang bagi suatu kesalahan yang berkenaan dengannya pesalah itu telah disabitkan, dibebaskan atau diberi pengampunan secara muktamad atau telah menjalani atau sedang menjalani hukuman yang dikenakan oleh Pihak yang Diminta; dan
- (f) pemberian bantuan itu akan menjejaskan kedaulatan, keselamatan, ketenteraman awam atau kepentingan awam utama yang lain Pihak yang Diminta.

2. Pihak yang Diminta boleh menangguhkan pelaksanaan permintaan jika pelaksanaan segeranya akan mengganggu apa-apa penyiasatan, pendakwaan atau prosiding lain dalam perkara jenayah yang sedang berjalan di Pihak yang Diminta.

3. Sebelum menolak sesuatu permintaan atau menangguhkan pelaksanaannya, Pihak yang Diminta hendaklah menimbang sama ada bantuan boleh diberikan tertakluk kepada apa-apa syarat yang didapatinya perlu. Jika Pihak yang Meminta menerima bantuan tertakluk kepada syarat-syarat itu, Pihak yang Meminta hendaklah mematuhiinya.

4. Jika Pihak yang Diminta menolak atau menangguhkan bantuan, Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Diminta hendaklah dengan segera memberitahu Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Meminta alasan bagi penolakan atau penangguhan.

5. Bantuan tidak boleh ditolak semata-mata atas alasan kerahsiaan bank dan institusi kewangan yang seumpamanya atau bahawa kesalahan itu juga dianggap melibatkan perkara fiskal.

Perkara 5 Bentuk Permintaan

Suatu permintaan bagi bantuan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertai dengan tandatangan atau meterai Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Meminta. Dalam situasi yang memerlukan tindakan segera, Pihak yang Meminta boleh membuat suatu permintaan dalam bentuk lain yang boleh diterima oleh Pihak yang Diminta seperti faksimili atau mel elektronik, dan Pihak yang Meminta hendaklah mengesahkan permintaan itu secara bertulis dengan segera selepas itu.

Perkara 6 Kandungan Permintaan

1. Suatu permintaan bagi bantuan hendaklah termasuk yang berikut:
 - (a) nama pihak berkuasa yang berwibawa yang menjalankan penyiasatan, pendakwaan atau prosiding lain dalam perkara jenayah yang berhubungan dengan permintaan itu;
 - (b) tujuan permintaan itu dan sifat bantuan yang diminta;
 - (c) suatu perihalan mengenai sifat kes yang berhubungan dengan permintaan itu, suatu ringkasan fakta kes dan teks peruntukan undang-undang yang terpakai;
 - (d) suatu perihalan mengenai keterangan, maklumat atau bantuan lain yang diminta;
 - (e) kenyataan mengenai apa-apa had masa yang dalamnya pematuhan dengan permintaan itu dikehendaki; dan
 - (f) apa-apa maklumat lain yang perlu untuk melaksanakan permintaan itu dengan sewajarnya.
2. Suatu permintaan bagi bantuan boleh juga, setakat yang perlu, mengandungi maklumat yang berikut:
 - (a) identiti dan lokasi mana-mana orang yang daripadanya keterangan diminta;

- (b) identiti dan lokasi seseorang yang kepadanya penyampaian hendak dibuat, dan hubungan orang itu dengan prosiding jenayah itu;
- (c) identiti dan tempat di mana orang yang hendak dicari berada atau yang identitinya perlu ditentusahkan;
- (d) suatu perihalan mengenai objek, tempat, orang atau mayat manusia yang hendak diteliti atau diperiksa;
- (e) suatu perihalan mengenai objek yang hendak digeledah dan disita dan maklumat yang menjustifikasikan tindakan itu;
- (f) suatu perihalan mengenai hasil dan peralatan jenayah yang hendak dikenal pasti, dicari, disekat, dibekukan, disita dan dilucuthakkan;
- (g) sebab-sebab bagi dan butir-butir mengenai apa-apa tatacara atau keperluan tertentu yang Pihak yang Meminta ingin supaya diikuti;
- (h) apa-apa keperluan khas bagi kerahsiaan dan sebab-sebab baginya;
- (i) suatu senarai soalan yang hendak ditanyakan kepada seseorang saksi; dan
- (j) apa-apa perintah mahkamah yang berhubungan dengan bantuan yang diminta dan suatu pernyataan berhubung dengan kemuktamadan perintah itu.

3. Jika Pihak yang Diminta mendapati bahawa kandungan yang terkandung dalam permintaan itu tidak mencukupi untuk membolehkannya mengendalikan permintaan itu, Pihak yang Diminta boleh meminta maklumat tambahan.

4. Permintaan dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan dalam dua salinan.

Perkara 7 Bahasa

1. Permintaan dan dokumen sokongan daripada Malaysia kepada Republik Rakyat China hendaklah dalam bahasa Inggeris dan disertai dengan terjemahan dalam bahasa Cina.
2. Permintaan dan dokumen sokongan daripada Republik Rakyat China kepada Malaysia hendaklah dalam bahasa Cina dan disertai dengan terjemahan dalam bahasa Inggeris.

Perkara 8 Pelaksanaan Permintaan

1. Pihak yang Diminta hendaklah melaksanakan suatu permintaan bagi bantuan mengikut undang-undangnya.
2. Setakat yang tidak bercanggah dengan undang-undangnya, Pihak yang Diminta boleh melaksanakan permintaan bagi bantuan mengikut cara yang diminta oleh Pihak yang Meminta.
3. Dalam memberi bantuan, Pihak yang Diminta hendaklah mewakili kepentingan Pihak yang Meminta di Pihak yang Diminta dalam apa-apa prosiding yang berbangkit daripada suatu permintaan bagi bantuan. Jika diminta, Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Diminta boleh membuat perkiraan yang lain bagi mewakili Pihak yang Meminta dalam prosiding tersebut.
4. Pihak yang Diminta hendaklah dengan segera memberitahu Pihak yang Meminta tentang hasil pelaksanaan permintaan itu. Jika bantuan tidak dapat diberikan, Pihak yang Diminta hendaklah dengan segera memberitahu Pihak yang Meminta tentang sebabnya.

Perkara 9 Kerahsiaan dan Pengehadan ke atas Penggunaan

1. Pihak yang Diminta hendaklah menjaga kerahsiaan suatu permintaan, termasuk kandungannya, dokumen sokongannya dan apa-apa tindakan yang diambil mengikut permintaan itu, jika diminta sedemikian oleh Pihak yang Meminta. Jika permintaan itu tidak dapat dilaksanakan tanpa melanggar kerahsiaan itu, Pihak yang Diminta hendaklah memberitahu Pihak yang Meminta sedemikian, yang

kemudiannya hendaklah menentukan sama ada permintaan itu masih patut dilaksanakan.

2. Pihak yang Meminta hendaklah menjaga kerahsiaan maklumat dan keterangan yang diberikan oleh Pihak yang Diminta kecuali setakat yang keterangan dan maklumat itu diperlukan untuk penyiasatan, pendakwaan dan prosiding lain dalam perkara jenayah yang diperihalkan dalam permintaan itu.

3. Pihak yang Meminta tidak boleh menggunakan apa-apa maklumat atau keterangan yang diperoleh di bawah Triti ini bagi apa-apa tujuan selain daripada kes yang dinyatakan dalam permintaan itu tanpa persetujuan terdahulu Pihak yang Diminta.

4. Walau apa pun perenggan 3 Perkara ini, dalam keadaan yang pertuduhan dipinda, maklumat atau keterangan yang dikemukakan boleh digunakan setakat kesalahan itu, sebagaimana yang dipertuduhkan, adalah terbentuk daripada kelakuan yang sama yang berhubungan dengan permintaan itu.

Perkara 10 Pengambilan Keterangan

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan mengikut undang-undangnya, mengambil keterangan dan mengemukakannya kepada Pihak yang Meminta.

2. Apabila permintaan itu berkenaan dengan pengemukaan dokumen atau rekod, Pihak yang Diminta boleh mengemukakan salinan terperaku atau salinan fotonya. Namun demikian, jika Pihak yang Meminta secara nyata menghendaki pengemukaan dokumen atau rekod asal, Pihak yang Diminta hendaklah menggunakan usaha terbaiknya untuk memenuhi kehendak itu.

3. Setakat yang tidak bercanggah dengan undang-undang Pihak yang Diminta, dokumen dan bahan lain yang hendak dikemukakan kepada Pihak yang Meminta mengikut Triti ini hendaklah diperakui dalam bentuk yang diminta oleh Pihak yang Meminta supaya ia boleh diterima masuk mengikut undang-undang Pihak yang Meminta.

4. Setakat yang tidak bercanggah dengan undang-undang Pihak yang Diminta, Pihak yang Diminta hendaklah membenarkan kehadiran

orang yang dinyatakan dalam permintaan itu semasa pelaksanaan permintaan itu, dan hendaklah membenarkan orang itu bertanyakan soalan, melalui personel pihak berkuasa berwibawa Pihak yang Diminta, kepada orang yang daripadanya keterangan hendak diambil. Bagi maksud ini, Pihak yang Diminta hendaklah dengan segera memberitahu Pihak yang Meminta tentang masa dan tempat pelaksanaan permintaan itu.

Perkara 11

Keengganan Memberi Keterangan

1. Seseorang yang dikehendaki untuk memberi keterangan di bawah Triti ini boleh enggan untuk memberi keterangan jika undang-undang Pihak yang Diminta membenarkan atau menghendaki supaya orang itu tidak memberikan keterangan dalam hal keadaan yang seumpamanya dalam prosiding yang bermula di Pihak yang Diminta.
2. Jika seseorang yang dikehendaki untuk memberi keterangan di bawah Triti ini menuntut sesuatu hak atau keistimewaan kekebalan daripada memberi keterangan di bawah undang-undang Pihak yang Meminta, Pihak yang Diminta hendaklah memberitahu Pihak yang Meminta tentang pendapat orang itu dan menghendaki Pihak yang Meminta untuk memberi keterangan sama ada hak atau keistimewaan itu wujud. Keterangan yang diberikan oleh Pihak yang Meminta hendaklah disifatkan sebagai bukti yang mencukupi tentang sama ada hak atau keistimewaan itu wujud melainkan terdapat keterangan nyata sebaliknya.
3. Perkara ini tidak menghalang seseorang daripada mengetepikan hak atau keistimewaan kekebalan daripada memberi keterangan, dan memberi keterangan secara sukarela.

Perkara 12

Mencari atau Mengenal Pasti Orang

Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta, menggunakan usaha terbaiknya untuk menentukan lokasi atau identiti seseorang yang dinyatakan dalam permintaan itu dan yang semunasabahnya dipercayai berada di dalam wilayahnya.

Perkara 13

Kehadiran Orang di Pihak yang Meminta

1. Pihak yang Diminta boleh, apabila diminta, membantu dalam mengatur kehadiran seseorang di Pihak yang Diminta, tertakluk kepada persetujuan orang itu, di Pihak yang Meminta—
 - (a) untuk membantu dalam penyiasatan berhubung dengan suatu perkara jenayah di Pihak yang Meminta; atau
 - (b) untuk hadir dalam prosiding berhubung dengan suatu perkara jenayah di Pihak yang Meminta melainkan jika orang itu merupakan tertuduh.

2. Pihak yang Diminta hendaklah mengundang orang itu untuk hadir sebagai saksi atau pakar di dalam prosiding jenayah di Pihak yang Meminta atau untuk membantu dalam penyiasatan. Jika wajar, Pihak yang Diminta hendaklah memuaskan hatinya bahawa perkiraan yang memuaskan telah dibuat bagi keselamatan orang itu. Pihak yang Diminta hendaklah dengan segera memberitahu Pihak yang Meminta tentang respons orang itu.

3. Jika seseorang diminta untuk hadir di Pihak yang Meminta, permintaan itu hendaklah mengandungi maklumat mengenai perkara yang berikut:
 - (a) fi, elaun dan perbelanjaan, jika ada, yang orang itu berhak mendapat;
 - (b) perkiraan bagi keselamatannya semasa perjalanannya ke dan dari Pihak yang Meminta dan semasa dia berada di Pihak yang Meminta, jika ada; dan
 - (c) perkiraan bagi penginapannya semasa dia berada di Pihak yang Meminta.

Perkara 14

Kehadiran Orang dalam Jagaan di Pihak yang Meminta

1. Pihak yang Diminta boleh, apabila diminta, membenarkan seseorang dalam jagaan di Pihak yang Diminta, tertakluk kepada persetujuan orang itu, untuk dipindahkan secara sementara kepada

Pihak yang Meminta untuk memberi keterangan atau membantu dalam penyiasatan, dengan syarat bahawa Pihak-Pihak telah mempersetujui syarat-syarat pemindahan terlebih dahulu.

2. Pihak yang Meminta hendaklah menahan orang yang dipindahkan itu dalam jagaan dan hendaklah memulangkan orang itu dalam jagaan kepada Pihak yang Diminta apabila perkara yang berkaitan dengannya perpindahan itu diminta telah diselesaikan atau pada masa yang lebih awal apabila kehadiran orang itu tidak lagi diperlukan.

3. Jika Pihak yang Diminta menasihatkan Pihak yang Meminta bahawa orang yang dipindahkan itu tidak lagi diperlukan untuk ditahan dalam jagaan, orang itu hendaklah dibebaskan daripada jagaan dan dianggap sebagai orang yang disebut dalam Perkara 13 Triti ini.

Perkara 15 **Perlindungan Orang yang Memberi Keterangan atau Membantu** **dalam Penyiasatan**

1. Tertakluk kepada perenggan 2 Perkara ini, jika seseorang hadir di Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan di bawah Perkara 13 atau 14 Triti ini —

- (a) orang itu tidak boleh ditahan, didakwa, dihukum atau dikenakan apa-apa sekatan lain terhadap kebebasan diri di Pihak yang Meminta berkaitan dengan apa-apa kelakuan atau sabitan bagi apa-apa kesalahan terhadap undang-undang Pihak yang Meminta yang dikatakan telah dilakukan, atau yang telah dilakukan, sebelum orang itu berlepas dari Pihak yang Diminta; atau
- (b) orang itu tidak boleh, tanpa persetujuan Pihak yang Diminta dan orang itu, dikehendaki untuk memberi keterangan dalam apa-apa prosiding jenayah atau membantu dalam apa-apa penyiasatan di Pihak yang Meminta selain prosiding jenayah atau penyiasatan yang berhubungan dengan permintaan itu.

2. Perenggan 1 Perkara ini hendaklah terhenti terpakai jika orang yang disebut dalam perenggan 1 itu telah terus berada di wilayah Pihak yang Meminta selama lima belas hari selepas orang itu telah diberitahu secara rasmi bahawa kehadirannya tidak lagi diperlukan atau, setelah meninggalkan, telah kembali dengan sukarela. Namun demikian, tempoh ini tidak termasuk tempoh masa yang orang itu gagal untuk

meninggalkan wilayah Pihak yang Meminta atas alasan di luar kawalannya.

3. Seseorang yang hadir di Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Perkara 13 atau 14 Tritis ini hendaklah tertakluk kepada undang-undang Pihak itu berhubungan dengan penghinaan mahkamah, sumpah bohong dan pembuatan pengisytiharan palsu tetapi tidak boleh selainnya didakwa berdasarkan kepada keterangan itu.

4. Pihak berkuasa berwajib yang meminta kehadiran seseorang saksi dari Pihak yang Diminta bagi maksud memberi keterangan hendaklah memastikan bahawa saksi itu telah diarahkan dengan sewajarnya mengenai tanggungjawab dan obligasinya kepada mahkamah.

5. Seseorang yang enggan untuk hadir, atau memberi keterangan atau membantu dalam penyiasatan, di Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Perkara 13 atau 14 Tritis ini tidak boleh dikenakan apa-apa penalti atau sekatan mandatori terhadap kebebasan diri kerana keengganan itu.

Perkara 16

Pengambilan Keterangan melalui Persidangan Video

1. Satu Pihak boleh meminta Pihak yang satu lagi untuk membenarkan seseorang di dalam wilayah Pihak yang Diminta untuk memberi keterangan dalam penyiasatan, pendakwaan dan prosiding lain dalam perkara jenayah di Pihak yang Meminta melalui persidangan video.

2. Pihak yang Diminta boleh menerima permintaan di bawah perenggan 1 Perkara ini setakat yang ia mungkin dan tidak melanggar undang-undang Pihak yang Diminta.

3. Pihak-Pihak boleh mempersetujui syarat-syarat dan tatacara yang terpakai bagi mengambil keterangan melalui persidangan video.

Perkara 17

Pengeledahan dan Penyitaan

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta, melaksanakan suatu permintaan bagi pengeledahan dan penyitaan dan penghantarserahan apa-apa dokumen, rekod atau barang kepada Pihak yang Meminta jika terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dokumen, rekod atau barang itu adalah berkaitan dengan suatu perkara jenayah bagi maksud keterangan dan dengan syarat bahawa hak pihak ketiga yang *bona fide* adalah dilindungi.

2. Pihak yang Diminta hendaklah mengemukakan kepada Pihak yang Meminta hasil pelaksanaan permintaan itu, termasuk hasil pengeledahan, tempat dan hal keadaan penyitaan, dan jagaan terkemudian dokumen, rekod atau barang itu.

3. Pihak yang Meminta hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pihak yang Diminta berhubungan dengan apa-apa dokumen, rekod atau barang yang disita yang dihantarserahkan kepada Pihak yang Meminta yang didapati perlu oleh Pihak yang Diminta untuk melindungi dokumen, rekod atau barang yang akan dipindahkan itu.

Perkara 18

Pemulangan Keterangan

Pihak yang Meminta hendaklah, apabila diminta, memulangkan kepada Pihak yang Diminta dokumen, rekod atau barang asal yang dikemukakan kepada Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan di bawah Triti ini.

Perkara 19

Penyampaian Dokumen

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan mengikut undang-undangnya, melaksanakan penyampaian dokumen yang dihantar oleh Pihak yang Meminta. Namun demikian, Pihak yang Diminta adalah tidak berkewajipan untuk melaksanakan penyampaian sesuatu dokumen yang menghendaki orang yang kepadanya penyampaian dibuat untuk hadir sebagai defendan.

2. Pihak yang Meminta hendaklah menghantar apa-apa permintaan bagi penyampaian dokumen yang berkenaan dengan sesuatu respons

atau kehadiran di Pihak yang Meminta tidak lewat daripada enam puluh hari sebelum respons atau kehadiran yang dijadualkan itu. Pihak yang Diminta boleh mengizinkan suatu tempoh masa yang lebih pendek dalam hal kecemasan.

3. Pihak yang Diminta hendaklah, setelah melaksanakan penyampaian, memberikan Pihak yang Meminta suatu bukti penyampaian yang hendaklah menunjukkan tarikh, tempat dan cara penyampaian, dan ditandatangani atau dimeterai oleh pihak berkuasa yang menyampaikan dokumen itu.

Perkara 20 **Hasil dan Peralatan Jenayah**

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, menggunakan usaha terbaiknya untuk mencari, mengesan, menyekat, membekukan, menyita dan melucuthakkan hasil dan peralatan jenayah.

2. Pihak yang Diminta hendaklah membantu Pihak yang Meminta, setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, dalam prosiding berhubungan dengan pelucuthakan hasil dan peralatan jenayah. Ini termasuklah tindakan untuk membekukan atau menyita hasil atau peralatan jenayah sementara menunggu prosiding lanjutan.

3. Jika Pihak yang Meminta meminta bantuan bagi penguatkuasaan sesuatu perintah yang menyekat, membekukan, menyita dan melucuthakkan harta atau aset, permintaan itu hendaklah disertai dengan perintah asal atau salinan terperaku perintah itu.

4. Pihak yang Diminta yang menjaga harta atau aset yang diperlakukan mengikut Perkara ini hendaklah melupuskannya mengikut undang-undangnya. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, Pihak yang Diminta boleh memindahkan semua atau mana-mana bahagian harta atau aset itu, atau hasil daripada penjualannya, kepada Pihak yang Meminta atas terma yang dipersetujui bersama.

5. Dalam pemakaian Perkara ini, hak pihak ketiga yang *bona fide* hendaklah dihormati.

Perkara 21

Pemerakuan dan Pengesahan

Bagi maksud Triti ini, apa-apa dokumen yang dikemukakan mengikut Triti ini tidak menghendaki apa-apa bentuk pemerakuan atau pengesahan kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Triti ini atau dalam permintaan itu.

Perkara 22

Perbelanjaan

1. Pihak yang Diminta hendaklah menanggung segala perbelanjaan biasa untuk memenuhi permintaan bagi bantuan kecuali bahawa, Pihak yang Meminta hendaklah menanggung—
 - (a) perbelanjaan bagi orang membuat perjalanan ke, menginap di dan meninggalkan Pihak yang Diminta di bawah Perkara 10(4) Triti ini;
 - (b) fi, elaun atau perbelanjaan bagi orang membuat perjalanan ke, menginap di dan meninggalkan Pihak yang Meminta di bawah Perkara 13 atau 14 Triti ini dan perbelanjaan yang berkaitan dengan pembawaan pegawai penjaga atau pengiring;
 - (c) perbelanjaan bagi penilaian pakar;
 - (d) perbelanjaan penterjemahan, pentafsiran dan pentranskripsian; dan
 - (e) perbelanjaan yang berkaitan dengan pengambilan keterangan melalui persidangan video.

2. Jika semasa pelaksanaan permintaan itu adalah jelas bahawa perbelanjaan yang bersifat luar biasa atau besar adalah diperlukan bagi memenuhi permintaan itu, Pihak-Pihak hendaklah berunding untuk menentukan terma dan syarat yang di bawahnya pelaksanaan permintaan itu akan diberikan atau diteruskan.

Perkara 23 Rundingan

1. Pihak-Pihak Berkuasa Pusat hendaklah berunding, pada masa yang dipersetujui bersama oleh mereka, untuk menggalakkan penggunaan Triti ini yang paling berkesan.
2. Pihak-Pihak Berkuasa Pusat boleh memajukan apa-apa langkah praktikal yang didapati perlu untuk memudahkan pelaksanaan Triti ini.

Perkara 24 Perkiraan Lain

Tiada apa-apa jua dalam Triti ini boleh menghalang Pihak-Pihak daripada memberikan bantuan kepada satu sama lain menurut triti lain, perkiraan lain atau peruntukan undang-undangnya.

Perkara 25 Penyelesaian Pertikaian

Apa-apa pertikaian antara Pihak-Pihak yang berbangkit daripada pentafsiran atau pelaksanaan peruntukan Triti ini hendaklah diselesaikan secara persahabatan melalui rundingan atau runding bicara antara Pihak-Pihak melalui saluran diplomatik tanpa merujuk kepada mana-mana pihak ketiga atau tribunal antarabangsa.

Perkara 26 Permulaan Kuat Kuasa, Pindaan dan Penamatan

1. Setiap Pihak hendaklah memberitahu Pihak yang satu lagi melalui nota diplomatik apabila semua langkah perlu telah diambil di bawah undang-undangnya untuk permulaan kuat kuasa Triti ini. Triti ini hendaklah mula berkuat kuasa pada hari ketiga puluh dari tarikh nota diplomatik yang terkemudian diterima.
2. Triti ini boleh dipinda pada bila-bila masa melalui persetujuan bertulis antara Pihak-Pihak. Apa-apa pindaan akan mula berkuat kuasa mengikut tatacara yang sama yang ditetapkan dalam perenggan 1 Perkara ini dan akan menjadi sebahagian daripada Triti ini.

3. Apa-apa pindaan tidak menjejaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau berdasarkan kepada Triti ini sebelum atau sehingga tarikh pindaan itu mula berkuat kuasa.

4. Mana-mana Pihak boleh menamatkan Triti ini pada bila-bila masa dengan memberikan pemberitahuan bertulis kepada Pihak yang satu lagi melalui saluran diplomatik. Penamatan hendaklah berkuat kuasa pada hari yang ke seratus lapan puluh selepas tarikh pemberitahuan itu diberikan.

5. Triti ini terpakai bagi apa-apa permintaan yang dikemukakan selepas permulaan kuat kuasanya walaupun kelakuan yang berkaitan berlaku sebelum Triti ini mula berkuat kuasa.

6. Penamatan Triti ini tidak menjejaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau yang berdasarkan kepada Triti ini dan kepada penyempurnaan mana-mana permintaan yang dibuat menurut Triti ini sebelum atau sehingga tarikh penamatan itu.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Triti ini.

DIBUAT dalam dua salinan di Putrajaya pada 23 hari bulan November 2015, dalam bahasa Cina, Melayu dan Inggeris, dengan setiap teks sama kesahihannya. Dalam hal terdapat apa-apa perbezaan dalam pentafsiran Triti ini, teks bahasa Inggeris hendaklah terpakai.

BAGI KERAJAAN
REPUBLIK RAKYAT CHINA



BAGI KERAJAAN
MALAYSIA

